



## SIARAN AKHBAR

### KENYATAAN DASAR AMBD 2/2016

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengeluarkan Kenyataan Dasar AMBD bagi separuh tahun kedua 2016.
2. Di dalam Kenyataan Dasar 2/2016, AMBD menyatakan bahawa ekonomi global masih mengalami pertumbuhan dan kadar inflasi yang rendah.
3. AMBD juga memaklumkan mengenai beberapa perkembangan kewangan di negara ini termasuk pengeluaran dua kertas perundingan kepada Persatuan Bank-Bank Brunei mengenai tadbir urus korporat dan perlantikan *key responsible persons*, dan satu direktif mengenai penyambungan penggunaan *Minimum Cash Balances (MCB)* bagi pengurusan kecairan kewangan harian (*Intraday Liquidity Maintenance*) di dalam sistem *Real-Time Gross Settlement (RTGS)*.
4. Perkembangan lain ialah mengenai prestasi Negara Brunei Darussalam di dalam *Ease of Doing Business (EODB) ranking* dimana negara ini disenaraikan sebagai sepuluh negara teratas yang menunjukkan kemajuan di dalam laporan *Doing Business 2017* yang dikeluarkan oleh World Bank. Laporan tersebut juga menyatakan beberapa pembaharuan kawal selia, seperti akses kepada maklumat kredit dan pengukuhan perlindungan pelabur minoriti.
5. Selain daripada itu, Sistem Pendaftaran Cagaran (*Collateral Registry*) Negara Brunei Darussalam juga adalah salah satu projek dalam inisiatif-inisiatif Negara Brunei Darussalam untuk EODB dan telah mula beroperasi pada 19hb Disember tahun ini.
6. Bagi perkembangan masa depan, AMBD sedang meneliti semula had kadar-kadar pinjaman kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) dan kepada beberapa kemudahan-kemudahan kredit yang telah dikeluarkan pada Mac 2013.
7. AMBD juga akan mengeluarkan Notis dan garispandu laporan yang telah dikemaskinikan kepada bank-bank bagi keperluan minima Nisbah Kecukupan Modal (*Capital Adequacy*).
8. AMBD, sebagai ahli Jawatankuasa Pandu, Sekretariat dan Kumpulan Kerja bagi penubuhan Bursa Saham Negara Brunei Darussalam, adalah terlibat di dalam menyediakan peraturan-peraturan serta penubuhan sistem bagi bursa saham tersebut.
9. Seterusnya, AMBD juga akan membangunkan satu rangka kerja kawal selia yang kondusif untuk penggunaan FinTech dan pada masa yang sama akan mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian dalam menangani sebarang risiko mengenainya.
10. Kenyataan Dasar AMBD 2/2016 yang lengkap boleh didapati di laman web AMBD ([www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn)).

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 29 Rabiulawal 1438/ 29 Disember 2016

Rujukan: AMBD/COMMS/3